



CENDERAMATA

Perasmian
WISMA NEGERI DAN
DEWAN UNDANGAN NEGERI
NEGERI SEMBILAN

oleh
Kebawah DYMM Yang
Dipertuan Besar Negeri Sembilan
pada 26hb September 1987
bersama-sama 300 orang 408



DULI YANG MAHA MULIA
YANG DIPERTUAN BESAR, NEGERI SEMBILAN
TUANKU JA'AFAR IBNI AL-MARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN
DK., DMN., DK (Brunei), DK (Kelantan), DK (Kedah), DK (Selangor),
DK (Perlis), DK (Johor).



DULI YANG MAHA MULIA
TUNKU AMPUAN, NEGERI SEMBILAN
TUNKU NAJIAH BINTI TUNKU BESAR BURHANUDDIN., DK.



استان بسر
سریمنتی

TITAH ALUAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

BETA BERSYUKUR KE HADRAT Allah S.W.T. kerana dianugerahkan oleh-Nya kesejahteraan kepada Beta untuk menyempumakan istiadat perasmian Wisma Negeri, Negeri Sembilan, yang kini menjadi nadi pentadbiran dan pembangunan Negeri Sembilan Darul Khusus.

Sempena istiadat yang bersejarah ini, sukacita Beta mengucapkan tahniah kepada Menteri Besar, YAB. Dato' Haji Mohd. Isa bin Dato' Haji Abdul Samad, serta setiap anggota Kerajaan Beta, yang telah berjaya menyempumakan pembinaan bangunan yang selesa dan berekabentukkan budaya negeri.

Beta percaya, dengan sempurnanya bangunan yang seindah ini, setiap anggota Kerajaan Beta akan memperolehi semangat daya usaha yang lebih padu bagi menjamin pencapaian mutu pentadbiran yang lebih berkesan untuk kepentingan negeri dan rakyatnya.

Beta juga berharap setiap kita akan menjaga keindahan dan keselesaan bangunan ini supaya ia akan terus menjadi suatu kebanggaan dan lambang kemajuan kepada setiap rakyat negeri ini.

(D.Y.M.M. TUANKU JA'AFAR IBNI ALMARHUM
TUANKU ABDUL RAHMAN),

DK., DMN., DK., (BRUNEI), DK. (KELANTAN), DK. (KEDAH),
DK. (SELANGOR), DK. (PERLIS), DK. (JOHOR).

YANG DIPERTUAN BESAR, NEGERI SEMBILAN.




Y.A.M. DATO' MENDIKA MENTERI AKHIRULZAMAN
DATO' HAJI MUSA BIN WAHAB, DTNS., P.J.K.
(UNDANG LUAK JELEBU)



YANG AMAT MULIA DATO' JOHAN PAHLAWAN
LELA PERKASA SETIAWAN,
DATO' HAJI ABD. RAHMAN BIN MOHD. SOM, DTNS
(UNDANG LUAK JOHOL)



Y.A.M. DATO' SEDIA RAJA DATO' HAJI ADNAN BIN
HAJI MA'AH, D.T.N.S.
(UNDANG LUAK REMBAU)



Y.A.M. KOL. TUNKU SYED IDRUS AL-QADRI BIN
TUNKU SYED MOHAMAD – TUNKU BESAR
TAMPIN, DTNS.
(TUNKU BESAR TAMPIN)

Telefon : Seremban 722421 & 722311
PEJABAT MENTERI BESAR,
NEGERI SEMBILAN.



فجابه منتري بسر
نكري سمبيلن

M.B.N.S. 1.09

MENTERI BESAR, NEGERI SEMBILAN.

KATA-KATA ALUAN



Saya melahirkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah keizinan-Nya dapat kita dirikan bangunan yang tersergam indah ini yang dapat menghimpunkan kesemua jentera penting dalam pentadbiran kerajaan negeri.

Upacara perasmian bangunan baru ini oleh Kebawah DYMM Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan pada hari ini, 26hb. September 1987 bersamaan 3 Safar 1408H menandakan satu lagi catatan gemilang di dalam sejarah pentadbiran Negeri Sembilan Darul Khusus.

Dengan ruang dan kemudahan yang lebih selesa, sudah pasti bangunan ini dapat menawarkan kepuasan kepada hampir semua tenaga dan kakitangan jabatan kerajaan negeri yang bemaung di bawah Wisma ini dalam usaha memberikan perkhidmatan harian yang lebih baik.

Saya menaruh harapan yang besar agar setiap pegawai dan kakitangan akan menyumbangkan tahap perkhidmatan yang lebih berkesan sesuai dengan perkembangan fizikal masakini bagi memenuhi keperluan masyarakat dan corak pentadbiran yang didukung.

Gabungan tenaga di antara seluruh peringkat organisasi di dalam jentera kerajaan negeri harus berada di tahap yang lebih lancar dengan adanya sistem pentadbiran yang teratur, moden lagi sofistikated sepertimana yang dilalui oleh kebanyakan pejabat hari ini.

Semoga kegemilangan sejarah yang dicatatkan hari ini akan terus menjadi perangsang kepada kakitangan awam dan masyarakat negeri ini pada keseluruhannya.

BERUSAHA MENINGGIKAN IMEJ PERKHIDMATAN.

Salam hormat,

(Dato' Mohd Isa Bin Hj. Abdul Samad) DSNS, PMC.

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN,
NEGERI SEMBILAN, SEREMBAN.

Telefon: 06-722311



فجابت ستياوسها كراجان،
نكري سمبلن

SEKAPUR SIRIH

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Sempena upacara yang bersejarah ini, sukacita saya merakamkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Sembilan kerana telah berjaya mempunyai sebuah bangunan pentadbiran yang selesa dan moden.

Dengan ini terlaksanalah satu lagi usaha kerajaan untuk memberi keselesaan dan kemudahan moden kepada anggota pentadbirnya serta rakyat khususnya. Saya yakin, ia akan menjadi pendorong untuk semua pihak meningkatkan prestasi masing-masing.

Pembinaan bangunan baru ini telah dirancang sekian lama dan ia adalah bertepatan dengan proses pembesaran jabatan dan kakitangan kerajaan negeri, sejak beberapa tahun yang lalu.

Semoga bangunan ini akan terus dijaga dan dihayati sebagai satu kebanggaan dan lambang kemajuan negeri ini.



DATO' AMIRRUDIN BIN KAHARUDIN, DSNS, KMN.
Setiausaha Kerajaan,
Negeri Sembilan.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA

PERKEMBANGAN FIZIKAL PEJABAT S.U.K. NEGERI SEMBILAN (menyorot kembali sejarah pentadbiran Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan)

Walaupun Negeri Sembilan menganggotai Negeri-negeri Melayu Bersekutu (FMS) pada tahun 1895, tetapi sejarah pentadbiran sebenarnya bermula pada tahun 1948.


Pada 1hb. Februari, 1948, di bawah perjanjian di antara Sir Gerard Edward James Gent, Pesuruhjaya British ke Malaya dengan Raja-Raja Melayu, maka lahirlah Persekutuan Tanah Melayu dengan menurunkan kuasa autonomi kepada Kerajaan Negeri bagi menggantikan Malayan Union.

Di bawah perlembagaan baru itu, kuasa eksekutif kerajaan di negeri beralih dari Pesuruhjaya Residen yang bertindak sebagai Penasihat British kepada Raja Melayu dan Menteri Besar.

Pentadbiran Kerajaan Negeri berpusat di Seremban dan ia dibantu oleh pentadbiran tempatan yang terdiri dari enam buah daerah iaitu Seremban, Port Dickson, Jelevu, Kuala Pilah, Rembau dan Tampin, masing-masing di bawah jagaan seorang Pegawai Daerah. (Kini terdapat



Bangunan S.U.K. lama yang menurut catatan telah dibina pada tahun 1930-an. Ia telah menempatkan Pejabat Menteri Besar dan pegawai-pegawai lain secara silih berganti semenjak zaman Dato' Shamsuddin Nain lagi. Kini bangunan ini diduduki oleh Perpustakaan Awam Negeri.



Dewan Undangan Negeri kemudian berpindah dari Pejabat S.U.K. ke Bangunan Mahkamah Tinggi.

tujuh daerah dengan perwujudan Daerah Jempol pada 1.1.1980).

Kesemua pentadbiran daerah ini bernaung di bawah kuasa Menteri Besar yang kemudiannya bertanggungjawab kepada DYMM Yang DiPertuan Besar dan Undang Yang Empat serta Tunku Besar Tampin.

Pada awalnya, Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) dianggotai oleh DYMM Yang DiPertuan Besar, YAM Dato'-Dato' Undang dan Tunku Besar Tampin, Tunku Besar Sri Menanti, Pegawai-pegawai Rasmi dan Empat Pegawai Tidak Rasmi, seperti yang termaktub dalam Artikel 18 Undang-Undang Perlembagaan Negeri Sembilan.

Mesyuarat MMK lazimnya diadakan pada hari Rabu minggu kedua dan keempat setiap bulan, tidak seperti tahun-tahun terkemudiannya.

Di samping itu, Majlis Negeri (kini dikenali sebagai Dewan Undangan Negeri) dianggotai oleh YAB Menteri Besar sebagai Presiden, lima ahli ex-officio, lima anggota rasmi dan 17 anggota-anggota tidak rasmi.

Pejabat Penasihat British pada ketika itu ialah di Istana Hinggap manakala Istana Yang Dipertuan Besar pula ialah di Kelab Sungai Ujong. Pada tahun 1956, Istana Hinggap menjadi istana rasmi Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan.

Sementara itu, pada tahun 1959, pentadbiran Kerajaan Negeri diketuai oleh Menteri Besar, Dato' Shamsuddin Nain mula beroperasi di Pejabat SUK di Taman Tasek yang mengikut catatan telah dibina pada awal tahun 1930 lagi.

Menteri Besar menduduki sebuah bilik sederhana di bahagian tengah tingkat atas pejabat berkenaan dengan

dibantu antara lainnya oleh seorang Setiausaha Sulit, seorang Steno dan seorang Penyelenggara Pejabat.

Selain dari itu, Pejabat SUK juga diduduki oleh Setiausaha Kerajaan Negeri, Encik Lokman Yusof, Pejabat Pegawai Kewangan Negeri (A.S. Robson), Bendahari dan beberapa buah jabatan lain yang menyusul kemudiannya. Pada peringkat ini, hanya terdapat antara 40 hingga 50 kakitangan sahaja di keseluruhan Pejabat SUK.

Di samping Jabatan-jabatan Kerajaan, terdapat juga Mahkamah Tinggi yang menggunakan ruang Bilik Gerakan Negeri di tingkat bawah.

Dewan Undangan Negeri yang pertama terletak di Bilik Menteri Besar (lama), yang digabungkan dengan ruang Setiausaha Sulit. Pada masa itu, terdapat 24 orang Ahli Dewan Undangan Negeri dan angka tersebut kini bertambah kepada 28 orang.


Persidangan Dewan berjalan di tempat ini dan pada hari-hari lainnya ia digunakan untuk mesyuarat EXCO.

Pada keseluruhannya, keadaan di bangunan ini adalah di tahap sederhana. Tidak ada hawa dingin dan begitu juga permaidani. Kerusi dan meja juga tidak sebaik yang ada pada hari ini. Hanya pada tahun 1964, alat hawa dingin dipasang di Bilik Menteri Besar.

Bilangan kakitangan yang bertambah pada tahun-tahun berikutnya telah memaksa kerajaan membina sebuah lagi Pejabat SUK Tambahan iaitu di sebelah bangunan yang ada pada tahun 1962.

Pejabat baru ini menempatkan beberapa jabatan dan bahagian baru sesuai dengan perkembangan pentadbiran pada ketika itu. Antaranya termasuklah Bahagian Perumahan, Pejabat Tanah dan Galian, Jabatan Perancang Bandar dan Kampung (Desa), Pejabat Pendaftar Geran, Pejabat Pendaftar Perkahwinan dan lain-lain.

Dewan Undangan Negeri juga turut berpindah ke Bangunan Mahkamah Tinggi, bagi memberi ruang yang lebih selesa kepada Pejabat Menteri Besar, membolehkan



Bagunan Wisma Negeri yang tersergam indah ini menempatkan kira-kira 1300 orang kakitangan dari sekurang-kurang 13 jabatan, dengan ruang perkhidmatan yang moden lagi selesa.



Dewan Undangan Negeri baru yang terletak dalam perkarangan Wisma Negeri menyertahkan ciri-ciri budaya yang tinggi sebagai mercu tanda yang membanggakan rakyat Negeri Sembilan.

sebuah bilik EXCO diwujudkan di samping bilik pegawai dan kakitangan am yang lain.

Keperluan untuk membina sebuah bangunan kerajaan yang serba lengkap dan dapat memusatkan semua aktiviti Kerajaan Negeri Sembilan telah lama dirasakan. Bahkan dalam tahun 1974 lagi, keadaan di mana bangunan-bangunan jabatan negeri berselerak di seluruh Seremban dan dalam keadaan uzur telah menimbulkan keresahan di kalangan kakitangan dan orang ramai.

Atas hakikat itulah, maka dalam Rancangan Malaysia Ketiga, Kerajaan Negeri Sembilan telah membuat cadangan untuk membina sebuah bangunan Ibu Pejabat Jabatan-jabatan Negeri yang lengkap dan moden. Bangunan ini dicadangkan dapat dibangunkan berhampiran Pejabat SUK sekarang kerana ia akan memudahkan urusan orang ramai.

Bagi memperlengkapkan lagi bangunan ini, maka pembinaan bangunan Dewan Undangan Negeri juga dicadangkan. Perwujudan bangunan baru akan memberi keselesaan kepada Ahli-ahli Dewan dan Pegawai-pegawai Kerajaan ketika berlangsungnya mesyuarat.

Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri mengambil keputusan untuk membangunkan bangunan ini dengan hasrat untuk menawarkan ruang pekerjaan yang lebih baik,

kemudahan-kemudahan asas yang moden di samping menjadikannya sebagai sebuah mercu tanda baru ibu negeri.

Kerajaan Negeri telah meluluskan projek ini pada tahun 1983 dengan pembiayaan dari Kerajaan Persekutuan pada asalnya sejumlah \$29 juta. Pembinaannya sepatutnya berjalan dalam tempoh dua tahun, tetapi atas beberapa masalah yang tidak dapat dielakkan, projek ini tertangguh sehingga tahun 1987.

Alhamdulillah, pada pertengahan tahun ini (1987), kesemua 13 jabatan dan bahagian yang bemaung di bawah Kerajaan Negeri Sembilan dengan kakitangan berjumlah kira-kira 1300 orang berpindah ke bangunan baru ini.

Maka terbinalah sebuah bangunan Wisma Negeri yang moden dan unik dengan rekabentuk yang mencerminkan kebudayaan Negeri Sembilan yang dibawa dari tanah Minangkabau. Bangunan yang menelan belanja lebih kurang \$45 juta akan mencatatkan suatu lagi sejarah kebanggaan dan kegemilangan negeri ini.

Selamat lahir WISMA NEGERI DAN DEWAN
UNDANGAN NEGERI — Shah.

SEJARAH NEGERI SEMBILAN – SEPINTAS LALU

OLEH TAN SRI DATO' ABDUL SAMAD IDRIS,

(Bekas Tokoh Politik Negeri Sembilan).

Sebelum penjajah barat menakluki alam Melayu ini, beberapa buah kerajaan yang masyhur telah bertapak kuat dalam rantau dan daerah tertentu seperti kerajaan Sri Vijaya yang berpusat di Palembang, Majapahit, Bugis, Riau Lingga, Pasai, Aceh, Temasik, Melaka dan lain-lain. Semua negeri-negeri ini diperintah oleh raja-raja Melayu yang berdaulat dalam negerinya masing-masing.

Tetapi akibat 'telunjuk lurus kelengkeng berkait' penjajah barat baik Portugis, Belanda, Inggeris mahupun Amerika yang pada awalnya hendak berdagang akhirnya sedikit demi sedikit negeri-negeri Melayu ini telah menjadi tanah jajahan berabad-abad lamanya.

Tuduhan-tuduhan dari orang-orang barat yang mengatakan bahawa orang-orang Melayu berkebudayaan lanun seperti yang pernah kita dengar beberapa tahun yang lalu adalah semata-mata karut dan sengaja direka dengan maksud dan niat serta bertujuan jahat.

Orang-orang Melayu telah bertamadun sejak beribu tahun yang lalu. Selain daripada dapat mengatur dan mentadbir negaranya sendiri sesuai dengan keadaan waktu itu, nenek moyang kita juga telah biasa mengharungi samudera luas seperti Lautan Hindi, Laut China dan sekitar Lautan Pasifik Selatan selain dari laut alam Melayu dengan menggunakan kapal-kapal layar yang besar yang mereka bina sendiri.

Mereka bukan saja membuat perhubungan dengan negeri China, sebelah timur, malah dengan negara yang lebih bertamadun dan kuat di barat yang kita kenal dengan nama Benua Rom.

Laksamana Hang Tuah pernah diutus oleh Sultan Melaka sebagai duta pelawat di kedua-dua buah negara tersebut, selain dari menjalin hubungan dan mengikat tali persahabatan di antara kerajaan Melayu Melaka dengan negeri China dan Benua Rom, hubungan dagang juga telah turut dilakukan.

Orang-orang Bugis umpamanya walaupun dicap sebagai perompak lanun oleh orang-orang barat, tetapi apa yang sebenarnya, mereka adalah perwira-perwira angkatan laut yang gagah perkasa dan mahir dalam peperangan laut. Angkatan laut Portugis, Belanda dan juga Inggeris banyak yang tewas di tangan mereka yang telah menguasai laut alam Melayu sehinggalah ke Riau dan Semenanjung Tanah Melayu.


Sebagaimana dengan negeri-negeri lain, Negeri Sembilan juga tidak kurang dengan susunan pentadbiran yang teratur meskipun ia merupakan sebuah negeri yang baru terbentuk setelah runtuhnya kerajaan Melayu Melaka dan Johor.

Raja Melewar yang dijemput dari Minangkabau itu telah ditabalkan pada tahun 1773M oleh Datuk-datuk Penghulu Luak (waktu itu belum bergelar Undang) di Kampung Penajis, Rembau. Sebelum itu walaupun Negeri Sembilan di bawah pemerintahan Sultan Johor, tetapi Luak-luak di Negeri Sembilan ini adalah di bawah pentadbiran Penghulu masing-masing dengan dibantu oleh Lembaga dan Buapak. Sistem pentadbiran negeri dapat dikatakan satu pemerintahan yang bercorak demokrasi yang berbentuk 'tear system'. Perbilangan yang menyebutkan,

'Bulat anak buah menjadikan Buapak
Bulat Buapak menjadikan Lembaga
Bulat Lembaga menjadikan Penghulu
Bulat Penghulu menjadi Raja'

membuktikan atas kebenaran ini. Manakala sistem pentadbiran pula turun dari atas iaitu Raja, Penghulu, Lembaga dan Buapak. Buapak yang memiliki anak buah menyampaikan segala perintah. Itulah yang disebutkan dalam perbilangan adatnya:

'Berjenjang naik, bertangga turun'.



Mesyuarat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada awalnya diadakan di Pejabat SUK lama iaitu di bilik yang menempatkan Menteri Besar. Turut menganggotai MMK ialah DYMM Yang Dipertuan Besar, Undang Yang Empat dan Tunku Besar Tampin.

Setelah penjajah Inggeris mencampuri pemerintahan, maka berlakulah berbagai-bagai perkara yang tidak diingini — "pecah-pecah dan perintah" yang menjadi permainan penjajah itu telah digunakan dengan bijaksana oleh penjajah Inggeris. Akhirnya Sungai Ujung dan Jelevu terpaksa menerima seorang Residen British, kemudian diikuti oleh Rembau manakala Seri Menanti telah kalah berperang dengan Inggeris yang dibantu oleh Penghulu Syed A. Rahman Sungai Ujung pada tahun 1874M.

Nama Negeri Sembilan yang kita warisi sekarang ini adalah diambil dari nama 'Sembilan Negeri' yang diketuai oleh 'Sembilan Penghulu' yang menabalkan Raja Melewar. Perkataan 'Negeri' di pangkal huruf 'Sembilan' itu adalah diambil dari istilah yang lazim dipakai dari tanah

leluhur (asal) Minangkabau yang membawa pengertian satu kawasan atau daerah yang kira-kira seluas luak atau mukim atau kampung, orang-orang Minang memanggil dengan nama 'negeri'. (Huraian lanjut mengenai perkara ini ada saya jelaskan dalam buku 'Takhta Kerajaan Negeri Sembilan').

DI SEBALIK NAUNGAN

Sebelum negara mencapai kemerdekaan sebagaimana juga negeri-negeri Melayu yang lain, Negeri Sembilan adalah sebuah negeri yang dijajah sejak Yamtuan Antah dialahkan dalam perang Bukit Putus dalam tahun 1874M itu. Meskipun kerajaan Inggeris mendewa-dewakan baha-

wa, negeri-negeri Melayu ini adalah negeri naungan di bawah panji-panji kerajaan Inggeris, ia tidak sama tarafnya dengan Negeri-negeri Selat seperti Singapura, Pulau Pinang dan Melaka. Pegawai Inggeris yang menjadi wakil Baginda King di England itu dipanggil Gobenor, sebaliknya dalam Negeri-negeri Melayu yang sembilan lagi itu gelaran Gobenor ini dipanggil Pesuruhjaya Tinggi British (British High Commissioner) saja.

Negeri ini memiliki bendera sendiri, lagu kebangsaan sendiri seolah-olah menggambarkan sebagai sebuah negeri yang berdaulat. Baik Pesuruhjaya Tinggi Inggeris yang beribu pejabat di Singapura itu, Residen British atau

pegawai-pegawai daerah yang semuanya Inggeris dalam surat-menyurat dengan DYMM, Datuk-datuk Undang, Penghulu malah dengan Datuk-datuk Lembaga pun mereka membahaskan dirinya dengan perkataan 'beta' dan 'sahabat beta', ertinya mempunyai taraf yang sama.

Sebaliknya kalau kita meneliti perjanjian yang dikatakan persahabatan di antara British di satu pihak dengan Raja dan Undang di pihak lain ada disebutkan di situ, bahawa kerajaan British berhak meletakkan seorang Pegawai British, yang dipanggil 'British Resident' untuk memberikan nasihat dalam bidang pentadbiran yang mesti dipatuhi kecuali yang mengenai agama dan adat istiadat.



Almarhum Tuanku Abdul Rahman menandatangani Perlembagaan Negeri Sembilan setelah negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957.

Bagi menjalankan pentadbiran dalam negeri, yang dikatakan bersahabat itu, kerajaan British telah membentuk sebuah majlis pentadbiran yang dipanggil 'Dewan Keadilan dan Undang'. Anggotanya terdiri dari DYMM Yang Dipertuan Besar sebagai Pengerusi, Residen British, Datuk-datuk Undang yang Ampat, Tunku Besar Tampin, Tunku Besar Seri Menanti, Datuk Shahbandar dan seorang ketua kaum Cina, manakala seorang pegawai Inggeris menjadi setiausahanya.

Dewan ini berkuasa membuat undang-undang dan peraturan. Ia dapat diandaikan seperti Exco sekarang, yang berbeza Exco tidak berkuasa membuat undang-undang.

Meskipun dikatakan 'Dewan Keadilan' yang dipengerusikan oleh DYMM itu berkuasa membuat undang-undang dan menjadi pusat cucuran tadbir pemerintahan negeri tetapi nasihat Residen British hendaklah diterima dan dipatuhi. Kebijaksanaan diplomasi Inggeris yang lunak di sebalik menggunakan perkataan 'nasihat' tidak 'perintah' itu menjadikan orang-orang Melayu termasuk orang-orang besar kita khayal dibuai dalam mimpi-mimpi indah yang tidak ramai di antara kita yang menyedari 'mulut disuap pisang, buntut dicangkuk duri'.

SELEPAS PERANG

Setelah Inggeris kembali ke Semenanjung ini sesudah Jepun menyerah kalah dalam Perang Dunia Kedua pada penghujung tahun 1945, kerajaan Inggeris telah memaksakan pemerintahan Malayan Union. Dengan itu jadilah negara ini secara langsung terletak di bawah pentadbiran dan jajahan takluk Inggeris.

Isu ini telah membangkitkan kemarahan orang-orang Melayu. Dengan perpaduan yang kukuh di bawah pimpinan Datuk Onn Jaafar terbentuklah UMNO. Gagasan Malayan Union yang dipaksakan itu ditentang habis-habisan, akhirnya penjajah Inggeris mengalah dan Persekutuan Tanah Melayu pun dibentuk pada 1hb. Februari 1948.

Dalam masa pentadbiran Malayan Union kira-kira dua tahun lamanya itu kuasa pentadbiran negeri adalah terletak di tangan seorang pegawai Inggeris yang dipanggil 'Resident Commissioner', pegawai Inggeris yang pertama bernama A.J. Colder. Raja dan Undang yang sebelum perang sebanyak sedikit boleh bersuara dalam Dewan Keadilan dan Undang, tetapi dalam pemerintahan Malayan Union, 'Dewan' ini tidak wujud lagi.

Setelah 'Persekutuan Tanah Melayu' terbentuk pada tahun 1948 itu, maka corak pemerintahan Negeri Sembilan

dan lain-lain negeri di Semenanjung turut berubah. Selain dari Pulau Pinang dan Melaka, semua sembilan buah negeri Melayu yang beraja telah melantik ketua-ketua pentadbirnya dengan nama 'Menteri Besar'. Bagaimanapun oleh kerana negeri ini masih lagi dijajah, maka kerajaan Inggeris tetap juga meletakkan seorang pegawai Inggeris yang telah ditukar namanya dari 'British Resident' sebelum perang dan 'Resident Commissioner' dalam masa Malayan Union kepada 'British Adviser' atau 'Penasihat British'.

Dengan terbentuknya Persekutuan Tanah Melayu ini bermulalah satu babak baru dalam pentadbiran negeri. Kalau sebelumnya Negeri Sembilan belum ada perlembagaan yang bertulis tetapi sebaik-baik sahaja Persekutuan Tanah Melayu terbentuk pentadbiran Negeri Sembilan juga turut menerima perubahan, sebuah perlembagaan yang bertulis telah dikanunkan.

Dengan berkuatkuasanya perlembagaan ini maka terbentuklah sebuah dewan undangan yang dinamakan Majlis Undangan Negeri (State Legislative Council) dengan semua ahlinya dilantik oleh DYMM Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan dengan persetujuan Undang yang Ampat.


Majlis Undangan ini dianggotai seramai 27 orang yang dipengerusikan oleh Menteri Besar.

MAJLIS UNDANGAN NEGERI

Ruang Majlis Undangan Negeri yang pertama telah ditempatkan di tingkat atas di hujung Bangunan Setiausaha Kerajaan Negeri yang lama. Di bawah dewan tersebut terletak Mahkamah Tinggi. Persidangan pertama telah diadakan pada tahun 1948. Ahlinya terbahagi kepada dua bahagian, sebahagian dikenali dengan nama 'ahli rasmi' dan sebahagian lagi 'ahli tidak rasmi'.

Ahli rasmi terdiri dari pegawai-pegawai kerajaan yang berjawatan iaitu Menteri Besar, Penasihat British, Setiausaha Kerajaan, Penasihat Undang-undang, Pegawai Kewangan dan Pegawai Daerah Seremban iaitu daerah yang terkanan.

Manakala ahli tidak rasmi pula adalah ahli-ahli yang dilantik yang terdiri dari tokoh-tokoh masyarakat yang terkenal, biasanya secara tidak langsung ketua-ketua atau pemimpin-pemimpin bangsa, Melayu, Cina, India dan adakalanya ketua-ketua orang-orang Eurasian. Semua perlantikan ini terpulang kepada budibicara Yang Dipertuan dan Undang dengan nasihat dari Penasihat British. (Senarai ahli-ahli yang pertama dilantik setelah Persekutuan Tanah Melayu wujud).



Ahli-ahli Majlis Undangan Negeri yang dilantik.

Gambar ini diambil ketika mesyuarat belanjawan negeri. YTM. Tunku Besar Burhanudin ketika itu memangku jawatan Yang Dipertuan Besar.

Pengerusi Persidangan dengan sendirinya ialah Menteri Besar. Menteri Besar yang pertama, Datuk A. Malek b. Yusuf dari 1hb. Feb., 1948 — 10hb. Ogos, 1950.

PILIHANRAYA PERTAMA 1955

Setelah pilihanraya pertama diadakan pada tahun 1955 kedudukan keanggotaan ahli-ahli Majlis Undangan Negeri

ini telah berubah. Dua belas orang dari 24 orang anggotanya terdiri dari ahli-ahli yang dipilih oleh rakyat dan 12 orang lagi ahli yang dilantik.

Kali pertama juga dalam sejarah Majlis Undangan Negeri, seorang pengerusi majlis yang dipanggil 'Speaker' telah dilantik dari seorang ahli yang dipilih. Orang yang pertama diangkat menjadi Speaker ialah YB. Cikgu A. Wahab bin Idus, wakil dari kawasan Tampin.


Majlis Undangan yang berbentuk demikian berjalan sehingga pilihanraya 1959. Pilihanraya kali kedua ini — negara telah mencapai kemerdekaan. Dengan berlangsungnya pilihanraya kali yang kedua ini tercatatlah satu lagi lembaran sejarah dan pentadbiran negeri yang amat bererti bagi pejuang-pejuang politik kerana hasil keringat mereka untuk mendapatkan kemerdekaan telah tercapai. Keseluruhan ahli-ahli Dewan Undangan Negeri dipilih oleh rakyat selain dari membebaskan negara dari cengkaman penjajah Inggeris. Kita bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. perjuangan merebut kemerdekaan berjalan dengan licin melalui saluran politik dan perlembagaan meskipun tidak sedikit peluh dan air mata yang bercucuran membasahi persada tanahair.

Majlis Undangan Negeri ini kemudiannya ditukar dengan nama Dewan Undangan Negeri. Seramai 24 orang ahli yang dipilih oleh rakyat termasuk Menteri Besarnya sekali. Dr. Mohd. Said bin Muhammad, wakil rakyat Linggi, adalah Menteri Besar yang pertama, manakala ahli-ahli Exconya terdiri dari Idris bin Matsil, A. Samad bin Idris, Ariffin bin Ali, Lee Tee Siang, Lim Kee Siong, V.

Letchumanan, Setiausaha Kerajaan, Penasihat Undang-undang dan Pegawai Kewangan Negeri turut menganggotai Exco atas nama jawatan 'Ex-officio', pegawai-pegawai ini tidak ada hak mengundi.

Pada tahun 1960, bangunan Dewan Undangan Negeri telah dipindahkan dari tempat lama ke bangunan baru. Bangunan ini adalah bangunan Sungai Ujung Club iaitu sebuah kelab yang khusus ahlinya untuk orang-orang kulit putih saja (keahliannya dibukakan kepada orang-orang bukan kulit putih beberapa tahun selepas perang).

Persetujuan telah dicapai di antara kerajaan negeri dengan ahli-ahli kelab ini agar mereka berpindah ke bangunan yang ada sekarang (dulunya Istana Hinggap). Bangunan ini telah diubahsuai selaras dengan sebuah Dewan Undangan Negeri, kerana bangunan ini agak besar dan luas, maka sebahagian darinya dijadikan bangunan Mahkamah Tinggi dan sebahagian lagi dijadikan Pejabat Pertanian Negeri. Bangunan ini telah digunakan selama 26 tahun sehingga bangunan baru yang ada sekarang ini siap untuk digunakan.



Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Sembilan yang dipilih sesudah pilihanraya 1959.

Gambar diambil sebelum persidangan bersama-sama dengan DYMM. Tuanku Munawir dan Undang Yang Empat serta Tunku Besar. Tampin.

SENARAI NAMA-NAMA MENTERI BESAR NEGERI SEMBILAN SEJAK FEBRUARI, 1948

Nama Menteri Besar (yang dilantik)	Tempoh Perkhidmatan
YAB. Dato' Hj. Abdul Malek b. Yusof	1.2.1948 — 10.8.1950
YAB. Kapt. Mohamed Salleh Hj. Sulaiman, MBE. E.D. MCS (Pemangku)	11.8.1950 — 1.1.1951
YAB. Dato' Hj. Abdul Malek b. Yusof	1.1.1951 — 14.4.1952
YAB. Encik Abd. Aziz b. Hj. Abdul Majid, MCS (Pemangku)	15.4.1952 — 1.10.1952
YAB. Dato' Hj. Abdul Malek b. Yusof	1.10.1952 — 1.10.1953
YAB. Dato' Shamsuddin b. Nain, MCS	1.10.1953 — 31.1.1959
YAB. Encik Mohd. Shariff bin Abd. Samad, MCS (Pemangku)	1.4.1959 — 22.6.1959
Nama Menteri Besar (yang dipilih)	
YAB. Dr. Mohamed Said b. Mohamed	23.6.1959 — 9.5.1969
YAB. Dato' Mansor B. Othman, DSNS	10.5.1969 — 11.7.1978
YAB. Dato' Rais Yatim, DSNS	12.7.1978 — 25.4.1982
YAB. Dato' Mohd. Isa b. Hj. Abdul Samad, DSNS, PMC	26.4.1982 — 13.8.1986
YAB. Dato' Mohd. Isa b. Hj. Abdul Samad, DSNS, PMC	14.8.1986 —

SENARAI NAMA-NAMA YANG DIPERTUA DEWAN UNDANGAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN

Nama Yang Dipertua D.U.N.	Tempoh Perkhidmatan
1. YB. Encik Abdul Wahab b. Idus (Allahyarham)	24.12.58 — 31.5.59
2. YB. Dato' Abd. Jalil bin Haji Aminuddin, JP., PJK., (Allahyarham)	22. 8.59 — 29.2.64
3. YB. Dato' Haji Ariffin bin Ali, AMN., JMN., JP., PJK.	25. 4.64 — 19.3.68
4. YB. Dato' Mohamad Idris bin Haji Matsil, Dato' Paduka Jaya Diraja, JMN., JP., PJK.	29. 3.71 — 31.7.74
5. YB. Dato' Haji Abdul Kadir bin Abdullah, DSNS., AMN., PPT., JP.	11. 9.74 — 11.6.78
6. YB. Dato' Haji Abdul Kadir bin Abdullah, DSNS., AMN., PPT., JP., (Allahyarham)	4. 8.78 — 9.8.81
7. YB. Dato' Mohd. Taha bin Abdul Talib, DSNS., JMN., PPT., JP., (Allahyarham)	14. 9.81 — 28.3.82
8. YB. Dato' Ahmad bin Haji Kassim, DSNS., AMN., PJK.	19. 6.82 — 19.7.86
9. YB. Dato' Haji Shahardin bin Haji Hashim,	16. 9.86 hingga sekarang

NAMA-NAMA SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI NEGERI SEMBILAN

Bil.	Nama	Tarikh mula Berkhidmat	Bil.	Nama	Tarikh mula Berkhidmat
1.	ENCIK OTHMAN BIN MOHAMED	1.2.1948	14.	ENCIK MOHAMED SHARIF BIN ABDUL SAMAD	1.8.1958
2.	ENCIK MOHAMED SALLEH BIN HAJI SULAIMAN	27.6.1949	15.	ENCIK MOHAMED BAZAIN BIN MOHAMED TALHAH (Pemangku)	1.4.1959
3.	YANG MULIA TUNKU MOHAMED BIN TUNKU BESAR BURHANUDDIN	11.8.1950	16.	ENCIK MOHAMED SHARIF BIN ABDUL SAMAD	21.6.1059
4.	ENCIK MOHAMED SALLEH BIN HAJI SULAIMAN	1.1.1951	17.	YANG MULIA RAJA AZAM BIN RAJA KAMARULZAMAN	11.1.1960
5.	ENCIK LOKMAN BIN YUSOF	15.4.1952	18.	TUAN HAJI ANJANG SAITH BIN HAJI ABBAS	5.2.1962
6.	ENCIK MUHAMAD GHAZALI BIN SHAFIE (Pemangku)	1.9.1952	19.	ENCIK MANSOOR BIN ZEINAL	16.6.1965
7.	ENCIK ABDUL AZIZ BIN HAJI ABDUL MAJID	1.10.1952	20.	ENCIK KAMARUDDIN BIN ABDUL RAHMAN	1.8.1968
8.	ENCIK SHAMSUDIN BIN NAIM	1.3.1953	21.	ENCIK WAN SALAIDIN BIN WAN ISMAIL	1.3.1970
9.	ENCIK LOKMAN BIN YUSOF	1.10.1953	22.	ENCIK MOHD. SAFFIAN BIN HAJI ABDUL MAJID	18.10.1973
10.	ENCIK MOHAMED SHARIF BIN ABDUL SAMAD	1.12.1955	23.	ENCIK MOHD. YUSOFF BIN HAJI LASIM	7.6.1975
11.	TUAN HAJI ABDUL AZIZ BIN HAJI MOHAMED KHAMIS (Pemangku)	25.10.1956	24.	DATO' ISMAIL BIN MANSOR	1.11.1978
12.	ENCIK MOHAMED SHARIF BIN ABDUL SAMAD	1.12.1956	25.	DATO' AMIRRUDDIN BIN KAHARUDIN	1.4.1985
13.	ENCIK MOHAMED BAZAIN BIN MOHAMED TALHAH (Pemangku)	30.5.1958			

SENARAI AHLI MMK DAN ADUN N. SEMBILAN, JULAI 1986

1. Ahli-ahli MMK Negeri, N. Sembilan

YAB. Dato' Mohd. Isa bin Dato'
Hj. Abdul Samad, DSNS, PMC. Linggi
(YAB. Menteri Besar Negeri Sembilan).

YB. Dato' Hjh. Khatimah bt.
Hj. Ibrahim, DSNS, DSN, AMN, PJK. Ampangan
(YB. Pengerusi Jawatankuasa Bertindak
Kebudayaan dan Pelancongan &
 Alam Sekitar).

YB. Dato' M. Muthupalaniappan,
DSNS, PPT, AMN. Rantau
(YB. Pengerusi Jawatankuasa Bertindak
Kemudaban Awam dan Perhubungan).

YB. Encik Wong See Wah
(YB. Pengerusi Jawatankuasa Bertindak
Bekalan Api dan Air). Peradong

YB. Encik Waad bin Hj. Mansor
(YB. Pengerusi Jawatankuasa Bertindak
Belia dan Sukan & Penyertaan Bumiputera
 Dalam Perindustrian dan Perdagangan) Gemencheh

YB. Encik Abu Zahar bin
Dato' Andika Ujang
(YB. Pengerusi Jawatankuasa Bertindak
Perumahan dan Kerajaan
Tempatan). Pilah

YB. Tuan Hj. Shamsul Bahari bin
Mat, AMN, PMC, PJK. Kuala Klawang
(YB. Pengerusi Jawatankuasa Bertindak
Pertanian).

YB. Encik Lilah bin Yassin
(YB. Pengerusi Jawatankuasa Bertindak
Pendidikan dan Kebajikan). Batu Kikir

YB. Encik Hon Choon Kim
(YB. Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Bertindak
Perumahan dan Kerajaan Tempatan/
Kemudaban Awam dan Perhubungan). Lenggeng

